

# Bank Rakyat tawar bantuan RM300,000

Inisiatif bantu PKS, koperasi dan individu terjejas akibat penularan Covid-19

Oleh NORSHAHZURA MAT ZUKI

**B**ank Rakyat menawarkan pembiayaan khas sehingga RM300,000 untuk membantu usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta koperasi selain RM50,000 untuk pembiayaan mikro bagi tempoh 69 bulan dengan penangguhan bayaran selama sembilan bulan.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, Bank Rakyat turut menawarkan pembiayaan keseluruhan berjumlah RM50 juta untuk usahawan wanita melalui pakej Biz Lady bagi mengurangkan masalah aliran tunai jangka pendek dan mengekalkan perniagaan.

"Ia merupakan langkah proaktif Bank Rakyat untuk membantu perniagaan dan koperasi terjejas secara berterusan



Bank rakyat turut menawarkan pembiayaan peribadi sehingga RM200,000 pada kadar keuntungan serendah 2.78 peratus setahun.

akibat penularan coronavirus (Covid-19).

"Kempen diharap dapat membantu kesinambungan perniagaan masing-masing dan melonjakkan semula ekonomi negara sepanjang tempoh mencabar ini," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Wan Junaidi berkata, Bank Rakyat turut menawarkan pelbagai bantuan kewangan kepada individu dengan melancarkan kempen 'Kami Bersama Anda' bermula sejak 24 April sehingga 30 Jun 2020.

"Kempen ini menawarkan Pembiayaan Peribadi-i sehingga RM200,000 pada kadar keuntungan serendah 2.78 peratus setahun bagi tempoh pembiayaan sehingga 10 tahun," katanya.

Wan Junaidi berkata, Bank Rakyat turut menawarkan Pajak Gadai-i Ar-Rahnu dengan jumlah pembiayaan sehingga RM350,000 kepada pelanggan yang mempunyai barang kemas dan memerlukan tunai segera dengan margin pembiayaan sehingga 80 peratus bagi tempoh pembiayaan sehingga 18 bulan.

"Pengguna yang berbelanja dengan Kad Kredit-i atau Kad Debit-i Bank Rakyat pula berpeluang memenangi hadiah terkumpul pulangan tunai sehingga RM30,000 melalui transaksi dalam talian.

"Malah, mereka juga boleh menggunakan aplikasi DuitNow di iRakyat dan berpeluang memenangi hadiah terkumpul sehingga RM24,000," katanya.



WAN JUNAIDI